

**TEKS UCAPAN**  
**DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH**  
**ABDULLAH**  
**PRESIDEN ANGKASA**

**BENGKEL PENGGABUNGAN**  
**ANGKASA NEGERI PAHANG**  
**HOTEL SERI MALAYSIA, TEMERLOH,**  
**PAHANG**  
**26/8/2026 (RABU)**  
**3.00 PETANG**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**Salam Malaysia Madani dan Salam Koperasi**

1. Alhamdulillah marilah kita rafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama hadir dalam Bengkel Penggabungan ANGKASA Negeri Pahang pada hari ini.
2. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada seluruh barisan kepimpinan serta warga ANGKASA Negeri Pahang atas komitmen dan kerjasama yang diberikan dalam menjayakan satu langkah penting untuk memperkukuh struktur dan gerak kerja ANGKASA di negeri ini.

**Hadirin yang saya hormati,**

3. Langkah penggabungan ANGKASA Negeri Pahang dilaksanakan bagi memastikan struktur ANGKASA di peringkat negeri lebih tersusun dan selaras dengan Undang-Undang Kecil ANGKASA. Tafsiran “Negeri” dalam Undang-Undang Kecil ANGKASA merujuk kepada suatu negeri di Malaysia menurut Akta Tafsiran 1948 dan 1967.
4. Perkara ini turut dinyatakan dalam surat Permohonan Pendaftaran Pindaan Undang-Undang Kecil ANGKASA daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia melalui rujukan SKM.IP. (AM)7964/113(21) bertarikh 19 Februari 2024.

5. Langkah ini penting supaya ANGKASA Negeri Pahang mempunyai satu struktur pentadbiran dan penyelarasan yang lebih jelas. Kita mahu urusan kepimpinan, perancangan program, penyampaian maklumat serta hubungan dengan gerakan koperasi dapat digerakkan dengan lebih teratur. Struktur yang jelas akan memudahkan kita menyusun keutamaan dan memastikan tenaga serta sumber yang ada dapat difokuskan kepada agenda yang memberi impak.
6. Berdasarkan Undang-Undang Kecil 46 atau UUK 46, Lembaga ANGKASA boleh menubuhkan Jawatankuasa ANGKASA Negeri atau JKAN yang terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi serta tidak melebihi 10 orang anggota. Dalam konteks penggabungan ini, kita juga mengambil kira susunan sedia ada ANGKASA Negeri Pahang yang sebelum ini bergerak mengikut tiga kawasan iaitu Pahang Timur, Pahang Tengah dan Pahang Barat.
7. Bagi Pahang Timur, kawasan pentadbirannya meliputi Kuantan, Pekan dan Rompin dengan 12 orang anggota JKAN sedia ada yang dilantik secara terbuka. Pahang Tengah pula meliputi Temerloh, Bera, Jerantut dan Maran dengan 12 orang anggota JKAN sedia ada yang turut dilantik secara terbuka.
8. Manakala Pahang Barat meliputi Bentong, Raub, Lipis dan Cameron Highlands dengan 12 orang anggota JKAN sedia ada yang dilantik mengikut daerah iaitu Bentong seramai empat orang, Raub empat orang serta Lipis dan Cameron Highlands empat orang. Penyusunan ini memberi gambaran jelas tentang keluasan jaringan ANGKASA di Negeri Pahang dan kepentingan untuk kita

menyelaraskannya dalam satu struktur negeri yang lebih jitu.

### **Hadirin Yang Dihormati**

9. Penggabungan ini juga membuka ruang untuk kita melihat Pahang secara lebih menyeluruh. Kita mempunyai kekuatan dan potensi yang berbeza mengikut daerah serta kawasan. Apabila jaringan ini diselaraskan di bawah satu struktur negeri, kita boleh mengenal pasti kekuatan setiap kawasan dan menghubungkannya dengan peluang perniagaan, pembangunan keusahawanan serta agenda ekonomi Negeri Pahang secara lebih strategik.
10. Dalam konteks ini, saya ingin menarik perhatian kepada perkembangan dasar dan inisiatif Kerajaan Negeri Pahang dalam pembangunan usahawan. Antaranya ialah **Program Usahawan Makmur** yang dilaksanakan oleh Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang. Program ini menyediakan ruang promosi, peluang penembusan pasaran, galakan perdagangan serta akses pembiayaan termasuk pembangunan produk, bantuan teknikal, pemasaran dan pengkomersialan. **ANGKASA Pahang perlu mengambil peluang ini dengan mengenal pasti koperasi yang mempunyai produk dan potensi untuk dikembangkan ke pasaran yang lebih luas.**
11. Kerajaan Negeri Pahang juga menyediakan **Sistem Maklumat Usahawan atau SMU Pahang** sebagai platform untuk mengumpulkan dan menyelaraskan maklumat usahawan negeri. Melalui sistem ini, usahawan boleh mendapatkan akses kepada maklumat berkaitan geran, pembiayaan, bantuan keusahawanan, latihan serta peluang perniagaan. Bagi ANGKASA Pahang, ruang seperti ini perlu

dimanfaatkan untuk menghubungkan koperasi dengan ekosistem keusahawanan negeri serta memastikan koperasi yang mempunyai kapasiti dan produk berpotensi tidak terlepas daripada peluang yang tersedia.

12. Satu lagi inisiatif yang dekat dengan gerakan koperasi ialah **Program Intervensi Tadbir Urus dan Pembangunan Koperasi Kariah Masjid Negeri Pahang 2026**. Kerajaan Negeri Pahang memperuntukkan RM600,000 pada tahun 2026 bagi memperkasakan koperasi kariah masjid. Program ini memberi tumpuan kepada tadbir urus, pengurusan dan pembangunan koperasi. Ini merupakan ruang yang sangat relevan untuk ANGKASA Pahang memperkukuh peranan sebagai pemudah cara dan rakan strategik kepada agenda pembangunan ekonomi masyarakat.

### **Hadirin yang dihormati**

13. Tiga perkembangan ini memberikan satu mesej yang jelas. Kerajaan Negeri Pahang sedang menyediakan ruang untuk pembangunan usahawan dan koperasi. Maka ANGKASA Pahang perlu berada dalam ekosistem tersebut. Kita perlu mengenal pasti peluang, membina jaringan dengan agensi berkaitan dan membawa kekuatan koperasi ke dalam ruang ekonomi yang sedang berkembang. Jangan kita sekadar mengetahui sesuatu program itu wujud. Kita perlu mencari jalan bagaimana koperasi boleh mengambil bahagian dan mendapat manfaat daripadanya.
14. Dalam masa yang sama, saya mahu penggabungan ini menghasilkan perubahan pada

gerak kerja ANGKASA Pahang. Kita perlu mempunyai pemetaan yang jelas mengenai koperasi mengikut daerah, sektor dan potensi perniagaan. Daripada pemetaan ini kita boleh mengenal pasti koperasi yang mempunyai produk untuk dikembangkan serta koperasi yang memerlukan bimbingan serta koperasi yang mempunyai kapasiti untuk membina kerjasama perniagaan dengan pihak lain.

- 15.** Kepimpinan yang akan menggalas amanah di peringkat negeri juga perlu memainkan peranan yang aktif. Saya mahu JKAN menjadi penghubung yang benar-benar memahami keadaan di lapangan. Turun ke daerah, dengar keperluan koperasi, kenal pasti peluang dan bawa perkara tersebut kepada ANGKASA untuk tindakan. Kita mahu wujud gerak kerja yang mempunyai sasaran dan hasil yang boleh diukur.
- 16.** Dalam setiap usaha ini, tadbir urus perlu kekal sebagai asas. Peluang ekonomi perlu disokong dengan pengurusan yang baik serta kepimpinan yang berintegriti dan keupayaan mengurus kewangan serta operasi. ANGKASA Pahang perlu membantu memastikan koperasi mempunyai asas yang kukuh supaya apabila peluang pasaran atau pembiayaan tersedia, koperasi benar-benar bersedia untuk mengambilnya.
- 17.** Saya yakin Negeri Pahang mempunyai potensi besar untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam gerakan koperasi negara. Dengan penggabungan ini saya mahu kekuatan tersebut disusun dengan

lebih baik dan diterjemahkan kepada lebih banyak peluang, lebih banyak kerjasama serta lebih banyak nilai ekonomi kepada koperasi dan anggota.

- 18.** Akhir kata, marilah kita menjadikan Bengkel Penggabungan ANGKASA Negeri Pahang ini sebagai satu titik tolak kepada gerak kerja yang lebih tersusun dan berimpak Gerakan koperasi di negeri ini. Saya berharap kepimpinan dan seluruh warga ANGKASA Pahang dapat bergerak dengan satu hala tuju serta menjadikan penggabungan ini sebagai pemangkin kepada pencapaian yang lebih besar. Semoga usaha kita mendapat keberkatan dan terus memberi manfaat kepada gerakan koperasi serta masyarakat Negeri Pahang.

Sekian, wabillahi taufiq walhidayah,  
wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.